

Pelajar IPT perlu didedahkan maklumat tepat


UB 05-04-2012 B3

KOTA KINABALU: Jabatan Penerangan membantu para pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) agar tidak mudah diperguna oleh pihak tertentu.

Profesor Program Komunikasi, Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dato Dr Hamdan Adnan, 62, berkata pendedahan para pelajar kepada maklumat yang ada di jabatan berkenaan membolehkan mereka menilai sekaligus mengelak daripada dipergunakan.

“Dengan memperoleh maklumat yang tepat, para pelajar tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir buruk yang sentiasa menjadikan mereka sebagai sasaran untuk dipergunakan.

“Para pelajar perlu didedahkan dengan pihak-pihak yang tepat untuk mereka mempertahankan negara terutama ketika berdepan dengan maklumat-maklumat yang negatif,” katanya kepada media semasa mengadakan Lawatan Rombongan UMS



ALMAIN (kanan) menerima cenderamata daripada Hamdan.

ke jabatan berkenaan, di sini, baru-baru ini.

Beliau mengetahui rombongan seramai 31 orang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir yang dijangka menamatkan pengajian mereka pada Oktober ini.

Selepas mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Mohd Kaya Iggoh, beberapa pelajar

ditemubual dan memberi reaksi yang memberangsangkan mengenai fungsi jabatan berkenaan.

Jivareka A/P Reganathan, 23, berasal dari Melaka sangat teruja dengan peranan dan fungsi Jabatan Penerangan khususnya dan Kementerian Perhubungan Awam, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) amnya.



JIVARIKA

“Tugas di jabatan ini rupanya sangat menarik dan amat mencabar kerana ia melibatkan penyebaran maklumat mengenai dasar-dasar baik dari segi kesihatan, keselamatan dan kenegaraan secara keseluruhannya.

“Jika berpeluang, saya ingin menyertai jabatan dan kementerian ini,” katanya.

Sementara itu, Muhammad Syukri Ruzali, 23, dari Negeri Sembilan juga menyatakan minatnya untuk bersama-sama jabatan berkenaan dalam memikul tanggungjawab besar itu.



SYUKRI

“Saya mengetahui serba sedikit mengenai Jabatan Penerangan melalui media massa khususnya ketika jabatan menganjurkan kempen-kempen.

“Bagaimanapun, selepas mendengar penjelasan tadi saya dapati jabatan dan kementerian ini mempunyai tugas sebagai penyebar maklumat yang sangat penting di negara ini,” katanya.

Begitu juga dengan Audrey Hii Siew Ching, 23, dari Sibu Sarawak yang mengenali Jabatan Penerangan melalui Unit Bergerak dan program



AUDREY

Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG).

“Saya tidak sangka, rupanya program Kembara Merdeka itu adalah sebahagian daripada program Jabatan Penerangan.


“Hari ini baru saya tahu bahawa hebah maklumat ke kampung-kampung oleh kenderaan yang dipasang dengan ‘hon speaker’ itu juga merupakan tugas Jabatan Penerangan,” katanya.

Nur Syahkilla Omar, 23, dari Tawau pula sangat tertarik

dengan amalan komunikasi korporat di jabatan tersebut khususnya dalam amalan perhubungan awam.

“Jabatan Penerangan boleh saya jadikan rujukan dalam amalan perhubungan awam kerana jabatan ini menempatkan ramai pegawai mereka di kebanyakan jabatan dan kementerian sebagai Pegawai Perhubungan Awam,” katanya.

Turut hadir Pengarah Penerangan Sabah, Haji Almain Ajirul dan Ketua-ketua Penolong Pengarah. - Jabatan Penerangan



KAYA (kiri) memberi taklimat kepada para pelajar.